

Ruj. Kami : ANM.PK.KPP.600-3/1 (4)  
Tarikh : 19 Mac 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /  
Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan

**EDARAN LCA BIL. 2 TAHUN 2021: PENAMBAHBAIKAN PROSES  
PENYELENGGARAAN MAKLUMAT KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMS**

Adalah dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah melakukan penambahbaikan ke atas proses penyelenggaraan maklumat penerima bayaran (kod pembekal) bagi kumpulan penerima bayaran iGFMS seperti edaran LCA Bil. 2 Tahun 2021 yang telah diedarkan pada 09 Mac 2021 kepada semua pengguna iGFMS menerusi emel.

3. Bersama-sama ini dikemukakan panduan dan tindakan yang perlu dibuat bagi Proses Penyelenggaraan Maklumat Kod Pembekal di Portal iGFMS serta manual pengguna untuk tindakan dan rujukan.

4. Segala kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan berbilang terima kasih. Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan JANM Perak di talian 05-2462 120/ 140/ 142/ 144.

Sekian, terima kasih.

**" PRIHATIN RAKYAT, DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***'Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul'***

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN PELANGGAN  
JANM PERAK**

## PENAMBAHBAIKAN PROSES PENYELENGGARAAN MAKLUMAT KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMAS

Penambahbaikan ini telah dilakukan di portal iGFMAS dan akan sedia digunakan **mulai pada 11 Mac 2021**



Proses pewujudan maklumat penerima bayaran boleh dilakukan bagi kumpulan penerima bayaran NOTE dan PANS SAHAJA.

Proses kemas kini boleh dilakukan bagi kumpulan penerima bayaran NOTE, PANS, EMP dan SUPP Daripada Migrasi Data ABB dan ABT

### PANS (PENERIMA BAYARAN BUKAN PEMBEKAL) 1400000000 - 1499999999

Terdapat **penambahan siri jujukan** yang baharu bagi kumpulan penerima bayaran (Kod Pembekal) PANS bermula dengan **14 siri** yang dikhususkan kepada Penerima Bayaran Bukan Pembekal dengan menggunakan Nombor Kad Pengenalan sebagai Nombor Pendaftaran Penerima Bayaran iGFMAS.

#### PROSES SEBELUM 11 MAC 2021

Proses pendaftaran/kemas kini maklumat bagi PANS adalah melalui Sistem eVendor dan menggunakan nombor jujukan yang sama pada kumpulan penerima bayaran SUPP (60 siri).

#### PROSES SELEPAS 11 MAC 2021

Proses pendaftaran/kemas kini maklumat bagi PANS adalah PANS (1400000000 - 1499999999).

Proses wujud dan kemas kini bagi 4 kumpulan penerima bayaran dilakukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan diluluskan oleh Pejabat Perakaunan (AO) masing-masing melalui *workflow* di dalam portal iGFMAS.

KUMPULAN PENERIMA BAYARAN	PERANAN	PENYEDIA	PELULUS
NOTE	Wujud & Kemas Kini	PTJ	AO
PANS	Wujud & Kemas Kini	PTJ	AO
EMP	Kemas Kini	PTJ	AO
SUPP (Migrasi Data ABB & ABT)	Kemas Kini	PTJ	AO

PTJ dan AO yang terlibat dengan aktiviti penyelenggaraan dikehendaki mengemas kini peranan seperti di atas melalui borang **KEW.290E-01-PIN.1/18 (Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa PTJ)** yang disediakan oleh Unit Authorization, BPTM bagi peranan baharu tersebut di portal JANM mulai **11 Mac 2021**.

#### PROSES SEBELUM 11 MAC 2021



Penggunaan kod vendor SUPP (60 siri) bagi personel MySTEP sepertimana Minit Mesyuarat Mengenai Penggunaan Kaedah Pembayaran Melalui Sistem Gaji Berkomputer - *Daily Rated* Bagi Pembayaran Kepada Personel MySTEP di bawah Inisiatif *Short-Term Employment Programme* (MySTEP) bertarikh 3 Feb 2021.

Urusan pembayaran kepada penerima bayaran di bawah program MySTEP yang menggunakan modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan - Invois Tanpa PT (Jenis Dokumen - K2) dan **telah berdaftar melalui eVendor**, proses **mendaftar semula perlu dilakukan** di dalam portal iGFMAS untuk diklasifikasikan sebagai kumpulan penerima bayaran PANS dengan No. Siri 14.

Kod pembekal PANS 60 siri yang diwujudkan **sebelum 11 Mac 2021** perlu **dimaklumkan kepada BPTM** melalui e-mel [igfmas\\_ap@anm.gov.my](mailto:igfmas_ap@anm.gov.my) dengan menyatakan Kod Pembekal, Nama Pembekal dan Kod Pejabat Perakaunan untuk tindakan **Mark For Deletion**. Manakala kumpulan penerima bayaran yang telah berdaftar di bawah kategori PANS (yang sebelumnya menggunakan 60 siri) dan bukan khusus untuk bayaran personel MySTEP **TIDAK PERLU** untuk didaftarkan semula melalui portal iGFMAS.

#### PROSES MULAI 11 MAC 2021

Bagi pembayaran kepada personel MySTEP, penggunaan kod vendor adalah menggunakan **PANS (1400000000 - 1499999999)**.

Peranan FK01 (Wujud) dan FK02 (Kemas Kini) di SAPGUI **tidak boleh digunakan** dan akan di **deactivate** bermula **11 Mac 2021**.

Sila Rujuk (i) Manual Pengguna Modul Akaun Bayaran : Data Induk dan (ii) Manual Pengguna Modul Akaun Bayaran : Gambaran Keseluruhan Modul Akaun Bayaran

**PANDUAN DALAMAN: EDARAN LCA BIL 2 TAHUN 2021- PENAMBAHBAIKAN PROSES PENYELENGGARAAN MAKLUMAT KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMS**

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	PENJELASAN
<p><b>PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)</b></p>	<p>1. Mengisi borang capaian KEW290E-01 yang <b>terkini</b></p>	<p>1. Proses <b>Daftar</b> maklumat pembekal dibuat oleh PTJ. Pembekal yang terlibat adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penerima Bayaran Bukan Pembekal (<b>PANS</b>)</li> <li>○ Penerima Gaji Bawah <b>NOTE (Pertahanan)</b></li> </ul> <p><b>HANYA DUA (2) MAKLUMAT PEMBEKAL INI SAHAJA YANG BOLEH DIDAFTARKAN OLEH PTJ. PENDAFTARAN PEMBEKAL DI BAWAH ENTITI SSM, SURUHANJAYA ATAU LEMBAGA ADALAH MASIH MENERUSI SISTEM eVENDOR DIMANA PERMOHONAN SECARA OFFLINE PERLU DIHANTAR KE AO MENERUSI PTJ.</b></p> <p>2. Proses <b>Kemaskini</b> maklumat pembekal dibuat oleh PTJ. Pembekal yang terlibat adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ <b>Penerima Bayaran Bukan Pembekal (PANS)</b></li> <li>○ <b>Penerima Gaji Bawah NOTE (Pertahanan)</b></li> <li>○ <b>Penerima Gaji Bawah JANM (EMP)</b></li> <li>○ <b>Penerima Gaji Bawah KDN (PTJ KDN)</b></li> <li>○ <b>Pembekal Entiti JPN (Bukan Entiti SSM,Suruhanjaya,Lembaga)</b></li> </ul> <p>3. Peranan yang perlu dimohon oleh PTJ :  <b>Penyedia - Modul Arahan Pembayaran</b>  <b>Kemaskini - Modul Arahan Pembayaran</b></p> <p>4. Permohonan peranan dibuat melalui Borang Capaian <b>KEW290E-01 PIN.1/18</b>. Sila pastikan borang diisi lengkap dan disertakan bersama salinan dokumen sokongan. Sila klik pautan dibawah untuk muat turun borang :-</p> <p><a href="http://www.anm.gov.my/index.php/khidmat/muat-turun/borang-borang">http://www.anm.gov.my/index.php/khidmat/muat-turun/borang-borang</a></p>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	PENJELASAN
<b>PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)</b>	2. Menghantar borang capaian menerusi iGFMAS Service Desk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan yang lengkap perlu dihantar melalui iGFMAS Service Desk. Sila kemukakan dokumen:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang KEW290E-01 yang lengkap ditandatangani</li> <li>ii. Capaian Pengguna</li> <li>iii. Salinan Kad Pengenalan</li> </ol> </li> <li>2. PTJ kemukakan dokumen seperti dibawah kepada AO <b>SEBELUM</b> tindakan daftar atau kemaskini maklumat pembekal melalui emel ( <a href="mailto:ukpp.perak@gmail.com">ukpp.perak@gmail.com</a> ) :-               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang pendaftaran / penamatan pembekal</li> <li>ii. Salinan Kad Pengenalan</li> <li>iii. Salinan Penyata Bank</li> </ol> <p><b>Adalah diingatkan bahawa dokumen ini adalah penting bagi semakan AO semasa kelulusan data maklumat pembekal. Tiada sebarang kelulusan akan dibuat sehingga kesemua data ini lengkap diemelkan kepada jabatan ini.</b></p> </li> </ol>
	3. Mendaftar atau mengemaskini maklumat pembekal di Modul Data Induk / Maklumat Pembekal	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Proses Daftar dan Kemaskini dibuat di Modul Data Induk/ Maklumat Pembekal.           <div data-bbox="904 858 1525 1098" data-label="Image"> </div> <p><b>DAFTAR</b> : Penyedia : Daftar maklumat pembekal&gt; Semak data&lt;Simpan&gt;Hantar untuk kelulusan (AO).</p> <p><b>KEMASKINI</b> : Penyedia: Cari nombor pembekal&gt; Papar&gt; Kemaskini maklumat &gt;Semak data&gt;Simpan&gt; Hantar untuk kelulusan (AO).</p> <p>No dokumen bagi modul ini adalah <b>C9xxxxxx</b></p> </li> </ol>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	PENJELASAN
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	4. Maklumat Kod Pembekal	<ol style="list-style-type: none"> <li>Siri nombor kod pembekal adalah seperti dibawah :-  <b>PANS : 14xxxxxxxx</b>  <b>NOTE : 4xxxxxxxx</b>  <b>EMP : 5xxxxxxxx</b>  <b>SUPP Entiti JPN : 6xxxxxxxx</b> </li> </ol>
AO (UKPP JANM PERAK)	1. Proses borang capaian dan kelulusan bagi wujud/kemaskini maklumat pembekal	<ol style="list-style-type: none"> <li>Semak permohonan capaian di ServiceDesk. Panjangkan permohonan yang lengkap ke LA Perak.</li> <li>Terima dokumen sokongan yang dihantar oleh PTJ melalui emel.</li> <li>Lulus/ Kuri dokumen Daftar atau Kemaskini Maklumat Pembekal (C9xxxxxx) berpandukan dokumen sokongan yang telah dihantar oleh PTJ.</li> </ol>

**Nota :**

- Mulai 11 Mac Kod pembekal Siri 6xxxxxxxx (PANS) bawah Program MYSTEP tidak diguna pakai. Proses mendaftar semula perlu dilakukan oleh PTJ seperti tatacara diatas.
- Senarai kod pembekal PANS Siri 6xxxxxxxx bagi pembekal dibawah program MYSTEP yang telah didaftar oleh JANM Perak akan dihantar kepada BPTM untuk proses **Mark For Deletion** .

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN PELANGGAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**NEGERI PERAK**

No Tel : 05-2462 120/ 140/ 142/ 144